

Ekonomi

IKLAN

Cetak .  Emel Rakan .  SHARE  

Firefly tawar dua promosi istimewa sempena MDTF

2010/05/13

SYARIKAT penerbangan komuniti Firefly Sdn Bhd menawarkan dua promosi istimewa sempena Pameran Pelancongan Domestik (MDTF) 2010 yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula esok hingga Ahad ini.

Promosi berkenaan ialah tempahan sehala RM1 secara mudah alih dan tempahan istimewa secara dalam talian bagi pakej percutian Firefly Holiday bagi perjalanan dari 14 Jun 2010 hingga 26 Mac 2011 untuk penerbangan bertolak dari Subang, Pulau Pinang, Johor Baru, Kuantan, Terengganu, Langkawi dan Ipoh serendah RM369.

Ketua Pemasaran dan Komunikasinya, Angelina Fernandez, berkata tawaran tempahan tiket sehala RM1 secara mudah alih itu adalah bagi semua destinasi domestik kecuali penerbangan ke Langkawi yang mesti dibeli menerusi aplikasi Firefly Mobile.

"Bagi menikmati tawaran itu, pelanggan perlu mendaftar sebagai pengguna mudah alih Firefly di www.fireflyz.com.my/mobile," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Angelina berkata, Firefly Holiday menawarkan pakej percutian ke destinasi menarik dalam negara apabila tempahan dibuat bagi tempoh perjalanan ditetapkan.

100 pelanggan pertama pakej FYH pada 14 Mei, akan menerima baucar tunai bernilai RM50.

"Hampir setiap pembeli akan mendapat ganjaran bernilai RM150,000 termasuk urutan 10 minit percuma daripada Kenko Spa, manakala 50 pembeli pertama pakej FYH akan mendapat baucar tunai RM50. Pembeli lain mendapat baucar tunai RM10," katanya.



Admax supports Eco-Living

Click here for 10 easy things you can do today to go green!



IKLAN TEKS

- LANGSINGKAN BADAN TANPA TEKANAN BERDIET!!

School's out soon!

